

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
GUAMAN SIVIL NO: WA-22NCVC-679-10/2020

ANTARA

TAN EE POH

(NO. KP: 751011-01-6276)

... PLAINTIF

DAN

HARTA PUSAKA TAN AH LIA

(NO. KP: 810911-01-5583)

... DEFENDAN

DAN

LEE WOON FUNG

(NO. K/P : 831029-08-5480)

... PENCELAH

ALASAN PENGHAKIMAN
(LAMPIRAN 10)

Rayuan

[1] Dalam kes ini Perayu tidak berpuashati dengan keputusan Mahkamah dan merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

Latarbelakang

[2] Permohonan Lampiran 10 adalah dibawah A.15 k.6 (2) (a) & (b) dan k.6A (4) (b), Aturan 72 k 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012).

[3] Pemohon / Pencelah (selepas ini disebut sebagai “Pencelah”) dalam permohonan ini adalah warganegara Malaysia dan beralamat di No.28, Jalan Meranti Jaya 2/9, Taman Meranti Jaya,47120 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

[4] Suami beliau (Simati) adalah Tan Ah Liaw iaitu Defendan dalam tuntutan ini (No. KP: 810911-01-5583) telah meninggal dunia tanpa wasiat pada 29.5.2020 [sesalinan sijil kematian ditandakan sebagai ekshibit “A” dalam afidavit sokongan Lampiran11 (“ASL11”)

[5] Simati telah berkahwin dengan Pencelah pada 23.3.2015 dan masih berkahwin pada masa kematian. (Rujuk Ekshibit “B” ASL11)

[6] Pencelah telah mengarahkan peguam beliau untuk memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir bagi harta pusaka dan harta benda kepunyaan suami beliau. (Ekshibit “C” dirujuk ASL11)

[7] Permohonan tersebut telah difailkan pada 16.11.2020 dan telah didaftarkan oleh Mahkamah melalui nombor Saman Pemula No. WA-31NCVC-1971-11-2020. (Rujuk ekshibit A Afidavit Sokongan Kedua Pencelah)

[8] Pencelah menyatakan pada 5.11.2020 beliau telah menerima surat daripada peguam Plaintiff yang menyatakan Plaintiff memulakan tindakan terhadap harta pusaka suami beliau. Peguam Plaintiff pada ketika itu tidak menyerahkan Writ dan Pernyataan Tuntutan kepada beliau dan beliau tidak dimaklumkan apakah tuntutan tersebut. (Lampiran “D” ASL11 dirujuk)

[9] Pencelah telah melantik Tetuan Tan Y.T & Co dan pada 13.11.2020 sebagai peguamcara beliau dan telah menerima Writ dan Pernyataan Tuntutan tersebut. (Rujukan kepada ekshibit “E” dan “F”)

[10] Plaintiff sebelum permohonan Pencelah ini telah membuat permohonan secara exparte (Lampiran 4) untuk melantik Tan Ah Huat (No.KP 840703-01-6319) dan Tan Ah Kau @ Tan Kok Kiong (No.KP 430518-01-5101) secara bersama sebagai wakil Defendan (simati) dalam dan bagi prosiding ini. Perintah telah diberikan oleh Mahkamah ini pada 16.11.2020.

[11] Semasa Permohonan Lampiran 4 di buat waris-waris Tan Ah Liaw (Simati) belum lagi memperoleh Surat Pentadbiran keatas Harta Pusaka tersebut.

[12] Plaintiff dalam tuntutan ini adalah kakak kepada Simati. Plaintiff dan simati adalah rakan perniagaan dan telah memperbadankan satu syarikat liabiliti terhad dengan nama Aosimoon Lighting Sdn Bhd (ALSB) pada tahun 2013. Ia merupakan perniagaan perkongsian quasi dan keluarga.

[13] Plaintiff dalam tuntutannya menuntut deklarasi seperti berikut:-

- (i) Satu deklarasi bahawa 50% (wang sejumlah RM1,106,476.40) dari jumlah RM2,212,952.80 yang berada dalam akaun Public Bank Berhad (PBB) Simati No.3187940718 secara sah adalah milik Plaintiff dan yang sama dipegang atas amanah oleh Simati atau harta pusakanya untuk kepentingan Plaintiff.
- (ii) Satu perintah memberikan Pentadbiran Terhad keatas akaun PBB Simati kepada Tan Ah Kau @ Tan Kok Kiong sama ada secara bersendirian atau bersama dengan Chiu Bun Chu (F) (No. KP 450204-01-5086) atau Tan Ah Huat (No. KP 840703-01-6319) menurut A.15 k.6A KKM 2012.
- (iii) Perintah mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (i) dan (ii) dilantik sebagai Pentadbir diperintahkan melakukan semua perkara dan apa-apa

tindakan yang diperlukan untuk mempermudah pengeluaran wang sebanyak RM1,106,476.40 dari akaun PBB.

- (iv) secara alternative Perintah bahawa harta pusaka Simati membayar RM1,106,476.40 kepada Plaintiff.

[14] Mengikut Plaintiff pada tahun 2019 beliau dan Simati telah berbincang mengenai perdagangan saham awam untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka. Plaintiff dan Simati telah bersetuju melalui perjanjian lisan diantara mereka untuk melaburkan bersama dan mereka masing-masing akan membuka akaun perdagangan saham dengan PBB dan berdagang saham atas pemahaman diantara mereka bahawa semua keuntungan yang diperolehi dan semua kerugian yang ditanggung harus dibahagikan sama rata antara mereka.

[15] Untuk tujuan diatas, Simati telah memperdagangkan saham melalui akaun perdagangannya dengan PBB dibawah akaun No. 3187940718 dengan yang sama disambungkan dengan akaun Central Depository Syatem (CDS) No. 056940299.

[16] Plaintiff menyatakan bahawa atas permintaan Simati telah mendepositkan sejumlah RM745,762.45 kedalam akaun PBB simati No. 3187940718.

[17] Hasil penjualan saham yang diperdagangkan bersama Plaintiff dan Simati merealisasikan sejumlah RM2,212,952.80 (Hasil Penjualan saham)

dan Plaintiff menyatakan bahawa beliau berhak keatas RM1,106,476.40 hasil penjualan saham tersebut.

[18] Pencelah menyatakan bahawa sebagai seorang balu simati, Pencelah merupakan waris khadim kepada simati. Oleh itu, beliau mempunyai kepentingan dalam harta pusaka simati dan berhak untuk mencelah dalam tuntutan ini.

KEPUTUSAN MAHKAMAH [LAMPIRAN 10]

[19] Simati meninggal dunia pada 29.5.2020 tanpa wasiat dan meninggalkan Pencelah sebagai balunya dan ibubapanya Tan Ah Liaw iaitu Tan Ah Kaw @ Tan Kok Kiong (bapa) dan Chiu Bun Chu (ibu). Simati dan Pencelah tidak mempunyai cahayamata.

[20] Mahkamah berpuashati bahawa Pencelah telah mematuhi Aturan 15. k. 6 (2) (a) dan (b) KKM 2012 yang berbunyi seperi berikut:-

“6.(2) Tertakluk kepada kaedah ini, pada mana-mana peringkat prosiding dalam apa-apa kausa atau perkara, Mahkamah boleh atas apa-apa terma yang difikirkannya adil dan sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan-

- (a) memerintahkan mana-mana orang yang telah dijadikan satu pihak dengan tidak sepatutnya atau tidak perlu atau yang kerana apa-apa jua sebab telah terhenti menjadi pihak yang sepatutnya atau perlu, berhenti menjadi satu pihak;

(b) memerintahkan mana-mana orang yang berikut supaya ditambahkan sebagai satu pihak, iaitu –

- (i) mana-mana orang yang sepatutnya telah dicantumkan sebagai satu pihak atau yang kehadirannya di hadapan Mahkamah adalah perlu untuk memastikan bahawa segala perkara yang dipertikaikan dalam kausa atau perkara itu boleh diputuskan dengan berkesan dan selengkapnya dan dihakimi ke atasnya; atau
- (ii) mana-mana orang yang antara mereka dengan mana-mana pihak dalam kuasa atau perkara mungkin wujud suatu persoalan atau isu yang berbangkit daripada atau berhubungan dengan atau berkaitan dengan apa-apa relief atau remedi yang dituntut dalam kausa atau perkara yang, pada pendapat Mahkamah, adalah adil dan sesuai diputuskan antara pihak dalam kausa atau perkara itu.

[21] Pencelah adalah isteri simati. Oleh itu, Pemohon mempunyai kepentingan sebagai waris khadim kepada harta pusaka simati. Pada masa ini harta pusaka Simati belum mempunyai Pentadbir.

[22] Pencelah telah membuat permohonan pada 16.11.2020 dan telah memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Saman Pemula No.

WA-31NVCV-1971-11/2020 untuk diberi Surat Kuasa kepada beliau untuk mentadbir harta pusaka Simati.(ekshibit A Lampiran 19).

[23] Mahkamah berpendapat bahawa memandangkan Pencelah dalam proses untuk mendapatkan Surat Kuasa adalah wajar permohonan Lampiran 10 dibenarkan.

[24] Terdapatnya isu untuk ditentukan oleh Mahkamah apabila Pencelah pertikaikan tuntutan Plaintiff berkenaan wang dalam akaun persendirian simati.

[25] Mahkamah juga berpendapat bahawa Permohonan ini tidak akan memprejudiskan Plaintiff disebabkan ia masih diperingkat awal, malahan jika permohonan Pencelah tidak dibenarkan ini akan lebih memprejudiskan Pencelah disebabkan beliau adalah waris khadim dan mempunyai hak terhadap harta pusaka simati walaupun Plaintiff mengatakan tuntutan tersebut berdasarkan perjanjian lisan antara beliau dengan simati.

[26] Mengambil kira Aturan 15. k. 6 (2) (a) dan (b) KKM 2012. Mahkamah berpendapat terdapatnya persoalan atau isu yang berbangkit daripada atau berhubungan dengan atau berkaitan dengan relief yang dipohon oleh Plaintiff. Mahkamah berpendapat adalah wajar Permohonan ini dibenarkan mengambil kira bahawa ia juga akan melibatkan pembahagian harta dibawah Akta Pembahagian 1958 dan faktor keadilan terhadap waris khadim dibawah undang-undang tersebut.

[27] Mahkamah merujuk kes *Privy Council Pegang Mining Co. Ltd. V Choong Sam & Ors* [1969] 2 MLJ 52 yang memutuskan bahawa salah satu daripada tujuan-tujuan pertama dalam prosiding pencelahan adalah untuk mengelakkan ketidakadilan. Mahkamah tersebut menyatakan seperti berikut:-

“The cases illustrate the great variety of circumstances in which it may be sought to join an additional party to an existing action. In their Lordships’ view one of the principal objects of the rule is to enable the court to prevent injustice being done to a person whose rights will be affected by its judgement by proceeding to adjudicate upon the matter in dispute in the action without his being given an opportunity of being heard. To achieve this object calls for a flexibility of approach which makes it undesirable in the present case, in which the facts are unique, to attempt to lay down any general proposition which could be applicable to all cases.

In other circumstances it might have been argued that the interests of the contractor were sufficiently safeguarded by substituting the sub-lessees for the sub-sub-lessee as appellants and that it was therefore unnecessary to add the contractor as a second appellant. But the Federal Court were entitled to take the view that this would not be a sufficient safeguard. The company had already bought off one appellant. They might try the same tactics with the sub-lessees.”

[28] Mahkamah juga merujuk kepada kes *Bujang bin Haji Ulis v Nancy Bte Abdullah (Imas anak Blanda & Anor as proposed interveners)* [2007] 4 MLJ 363 , Mahkamah memutuskan seperti berikut:-

*“The law on interveners is almost well settled and is **inextricably interwoven with the rules of natural justice. In fact, in my view, it is nothing but an extension of the rules of natural justice related to the principles of audi alteram partem ie the right to be heard.** This principle is advocated through rules of procedure such as O 15 r 6 of the RHC. However, intervener's right is not a substantive right. If it is, it will be specifically reflected in one of the acts of Parliament. This is not the case. It is essentially a necessary and a discretionary relief to be exercised by the courts according to the justice of the case for the proper administration of Justice. **This is to make sure that proper parties to the dispute are heard and also to ensure that the administration of justice is not put to disrepute by litigants by not naming all the parties who will be affected by the decision of the court.**”*

[29] Berdasarkan hujahan diatas, adalah wajar Mahkamah membenarkan Permohonan Pencelah dengan kos dalam kausa.

tt

(LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)

Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi NCVC 1
Kuala Lumpur
Bertarikh : 2.8.2021

Pegumam Bagi Pihak Perayu/Plaintif

Tetuan PC Choong & Co.
Suite 50-04-05, Tingkat 4,
Wisma UOA, Damansara,
50, Jln. Dungun, Damasara Heights,
50490 Kuala Lumpur.
(Tel : 03-209323111 Fax : 03-209314820
(Ruj. : CPC2619 (Tan AK) LA2020)

Pegumam Bagi Pihak Responden

Tetuan Tan Y.T & Co.
No/ 97, Tingkat 1, Wisma Bersatu,
Jln. Kg. Baru,
28400 Mentakab
Pahang Darul Makmur

Kes dan Perundangan yang dirujuk:

- 1) A.15 k.6 (2) (a) & (b) dan k.6A (4) (b), Aturan 72 k 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
- 2) Privy Council Pegang Mining Co. Ltd. V Choong Sam & Ors [1969] 2 MLJ 52
- 3) *Bujang bin Haji Ulis v Nancy Bte Abdullah (Imas anak Blanda & Anor as proposed interveners) [2007] 4 MLJ 363*